



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 6 MEI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LANGKAH MENANGANI INDUSTRI PERTANIAN PASCA PKP, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2. 3.	HELPING FARMERS TO COPE WITH CHALLENGES, NST -ONLINE FOOD AID, HOME, BORNEO POST (KK) -3	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/5/2020	BERNAMA	ONLINE	

Langkah menangani industri pertanian pasca PKP



Keputusan kerajaan Malaysia untuk menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lepas merupakan satu langkah yang bijak. Ia adalah antara langkah yang mampu memutuskan penularan virus corona dalam kalangan penduduk di Malaysia. Wabak Virus Corona atau lebih dikenali sebagai COVID19 diisytiharkan sebagai wabak pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada 12 Mac lepas yang sehingga kini menjangkiti kira-kira 2.9 juta penduduk di seluruh dunia dengan kira-kira 200,000 kematian dilaporkan. Malaysia mendapat pujian antarabangsa baru ini atas keberkesannya mengawal penularan wabak COVID19 berbanding negara-negara ASEAN lain.

Berikutan COVID-19 di Malaysia, premis perniagaan tertentu seperti kedai runcit, pasar, farmasi dan yang berkenaan hanya dibenarkan beroperasi pada masa singkat dengan pergerakan terkawal manakala aktiviti perniagaan dan operasi premis perniagaan lain termasuk industri pertanian diarahkan ditutup sehingga PKP ditarik balik oleh kerajaan. Hanya beberapa ladang atau kawasan pertanian yang dibenarkan beroperasi pada kadar terhad serta dengan pengawasan rapi oleh pihak berwajib.

Langkah jamin pengeluaran agromakanan segar

Keadaan ini pastinya memberi kesan jangka panjang yang membimbangkan khususnya untuk sektor bekalan agromakanan segar negara. Malaysia merupakan pengimport agromakanan segar khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan pada kadar yang tinggi. Sejak 2010 hingga 2019, Malaysia mengalami dagangan defisit bagi agromakanan segar (sayuran dan buah-buahan) dan angka ini dijangka bertambah pada tahun-tahun akan datang. Nilai import agromakanan segar (khususnya untuk sayur-sayuran dan buah-buahan) yang tinggi telah mendapat perhatian kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke 12 namun, ia masih pada peringkat perancangan dan belum dilaksanakan sepenuhnya.

Wabak COVID-19 telah menyebabkan industri pertanian bergerak pada kadar yang perlahan dan terkawal. Sekiranya, langkah-langkah pemulihan tidak dilakukan segera, Malaysia bakal menghadapi masalah kekurangan agromakanan segar pada akhir 2020. Keadaan ini lebih membimbangkan apabila beberapa negara pengekspor seperti Myanmar, Thailand dan Australia menghentikan aktiviti eksport agromakanan segar bagi memastikan bekalan makanan tempatan dalam negara berkenaan mencukupi.

Sehubungan itu, kerajaan disarankan agar mengambil lima langkah berikut bagi memastikan rantai bekalan agromakanan segar Malaysia berada pada kadar pengeluaran yang boleh menampung keperluan penduduk Malaysia.

1) Membenarkan Penanaman Terfokus : Tanaman Kontan Dan Terpilih

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) perlu mengenal pasti senarai tanaman kontan popular, sayur-sayuran terpilih dan buah-buahan terfokus untuk diusahakan sepanjang PKP berlangsung. Pihak industri atau para pengusaha sayur-sayuran dan buah-buahan sedia ada perlu diberikan kebenaran (permit) untuk melakukan aktiviti pertanian berkenaan secara terkawal dan dengan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM).

2) Wartakan Kawasan Penanaman Hijau (Bebas COVID-19)

Beberapa kawasan luar bandar yang bebas pandemik ini boleh diwartakan sebagai kawasan Hijau dan dibenarkan melakukan aktiviti khusus pertanian. Sebagai contoh, daerah Tenom merupakan pengeluar beberapa tanaman agromakanan segar seperti buah pamelu di pedalaman Sabah dan sehingga kini dilaporkan bebas COVID19. Usaha untuk penanaman aktiviti pertanian di daerah Tenom perlu digiatkan dan pada masa yang sama laluan utama ke daerah ini dikawal sepenuhnya. Aktiviti pertanian tidak terhad kepada tanaman sedia ada tetapi juga pada senarai keperluan yang dikenal pasti oleh pihak MOA (khususnya bagi tanaman kontan yang mengambil masa kurang dari 6 bulan untuk membuah hasil)

3) Insentif Pengeluaran Hasil Tanaman Terfokus

Pihak MOA perlu menyediakan insentif pengeluaran hasil tanaman terfokus bagi memastikan produktiviti pengeluaran hasil tanaman adalah pada kadar yang tinggi dan pada harga yang berpatutan. Insentif Pengeluaran adalah lebih berkesan berbanding subsidi penanaman kerana insentif pengeluaran akan memastikan pengusaha sayur dan buah untuk berusaha mengeluarkan hasil pertanian yang tinggi dan berkualiti. Semakin tinggi hasil pengeluaran sayur dan buah maka semakin banyak insentif pengeluar yang diterima pengusaha sayur dan buah.

4) Memberi Pinjaman Mikro Pantas Kepada Pengusaha Sayur-sayuran dan buah-Buahan

Dalam keadaan ekonomi sekarang, para pengusaha sayur dan buah-buahan memerlukan suntikan modal bagi memastikan operasi pertanian berjalan dengan baik. Sememangnya bantuan kerajaan yang diberikan sebelum ini akan memberikan kelegaan kepada para pengusaha sayur dan buah-buahan namun dengan adanya pinjaman mikro pantas, ia akan menjamin aktiviti pertanian dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pinjaman Mikro Pantas disarankan pada nilai RM50,000 dan ke bawah dengan kadar faedah di bawah 2 peratus, moratorium selama 6 bulan dan tanpa kolateral. Kerajaan mempunyai banyak agensi yang dapat menawarkan mikro kredit sedemikian seperti Agrobank, TEKUN, AIM dan sebagainya.

5) Menubuhkan Pusat Pengumpulan Digital

Sejak wabak COVID-19 melanda, pelbagai pihak mula membangunkan applikasi telefon mahupun perhubungan melalui social

media (Whatsapp dan Facebook) bagi memastikan penjualan agromakan segar berjalan dengan baik. Namun, beberapa isu lambakan sayur dilaporkan berlaku seperti di Kundasang, Sabah dan Cameron Highlands, Pahang. Ini berlaku disebabkan oleh pengeluaran hasil pertanian yang melebihi permintaan setempat dan penghantaran sayuran ke pusat pengumpulan pula adalah terhad. Keadaan ini menjadi lebih menyukarkan apabila tempoh hayat sayuran berkenaan adalah pada tempoh kurang dari 5 hari selepas dituai. Pembelian setempat hanya pada kadar yang sedikit, sedangkan pengeluaran sayuran adalah pada skala yang lebih besar. Kebiasaannya para pengusaha sayuran (Kundasang / Cameron Highlands) menjualnya kepada pemborong dan pemborong akan merentasi daerah ,negeri atau negara untuk menjualnya pula. Oleh itu, adalah disarankan agar Pusat Pengumpulan Digital (PPD) dibangunkan bagi menghubungkan penjual dan pemborong. Konsep PPD adalah sama seperti Pusat Pengumpulan Tani tetapi lebih cekap dan sistematik. Melalui PPD, transaksi jualan akan lebih telus, nama penjual dan pembeli diketahui, pasaran akan lebih terjamin dan isu kebolehlihatan (traceability) juga dapat diatasi.

Saya percaya semua cadangan ini boleh diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak kerajaan khususnya MOA dan FAMA, namun kebolehlaksanaan dan keberhasilan perancangan berkenaan bergantung kepada kerjasama yang baik daripada semua pihak (pengusaha, agensi kerajaan, pemborong, dan pengguna). Secara ringkasnya, kita perlukan industri agromakanan segar dapat diteruskan semasa PKP bagi memastikan bekalan makanan agromakanan segar yang berterusan.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/5/2020	NST	ONLINE	

Helping farmers to cope with challenges



Farmers have been hugely affected by the pandemic.

LETTERS: The effects of climate change on the agricultural sector have long-term effects on food security and the wellbeing of the world population.

Adding to the concerns is the Covid-19 pandemic that has severely affected all sectors of the economy including agriculture.

It is logical to think that demand for food is not likely to decrease and agricultural food producers are not, under any circumstances, facing difficulties in selling their produce.

However, farmers are hugely affected by the pandemic. It was reported that 2,300 farmers experienced losses of RM1 million per day due to several hundred tonnes of harvested produce not sold and discarded.

This occurred in the main areas of vegetable production in Cameron Highlands and Lojing.

As to why their produce was not sold and had to be discarded, the issue can be discussed from various angles including the marketers, processors and consumers but let's look from the farmers' perspective on the eight challenges they face.

1. Preparedness. As farmers, they are prepared for normal risks such as rain and drought as well as those related to financial issues and labour force.

But they were ill-prepared for the impact of Covid-19 and the Movement Control Order (MCO).

2. Choosing between "to throw" or "to give". Crop plants need to be harvested when the time comes. Labour is required in harvesting, loading, grading and packaging.

Subsequently, the produce need to be brought to collection centres before they are sent to wholesale markets, which incur costs. Management of the produce thus requires co-ordination and high costs.

3. Perishables. Crops are perishable after harvest. Due to the MCO, the appropriate harvesting procedures could not be undertaken. The product had to be discarded.

4. Storage and transport technology. Most farmers do not have the facility or technology to store farm produce and means of transport.

5. Farm location. Farms can be found in areas close to main roads but some are located in distant remote and hilly places. Transportation of farm produce can be costly and slow.

6. Limited wholesale market activities. All activities at wholesale markets have been limited during the MCO. There are not many businesses that are open, resulting in farmers having limited opportunities to market their farm produce. The quantity of produce bought by wholesalers was also reduced. Unsold produce arriving at wholesale markets cannot be sent back to the farms and are usually discarded.

7. Insect pests and plant diseases. Crops need to be harvested and cannot be left in the field as they harbour insect pests. When left in the field, they become hosts for insect pests and the effects last for a long duration.

8. Production costs. In crop production, various input costs need to be addressed such as costs for fertilisers, irrigation, utilities, pesticides, labour and transportation. When farm produce cannot be marketed, farmers' incomes are affected, subsequently affecting available capital for the next crop cycle.

Farmers are in an unfortunate situation. That is why government agencies need to quickly assist farmers. Without any initiatives, the issue of food supply at this critical time could be difficult to overcome or become stunted.

The Department of Agriculture, Federal Agricultural Marketing Authority, Farmers' Organisation Authority and food manufacturers need to assist them now or immediately after the MCO ends. Coordination in marketing of farm produce, emergency relief funds for crop damage and other assistance need to be addressed.

We need to figure out how farm produce, either harvested or will be harvested in times of crisis, are marketed and generate income to farmers.

Long-term adaptation in facing the effect of a pandemic on agriculture such as improvement in technology and production facility and marketing of farm produce; enhancing the cooperation network among farmers and wholesalers, and among wholesalers and food manufacturers; special allocations in times of crisis; and an increase in sensitivity of initial risk preparation need to be planned.

Dr Norsida Man

Department of Agriculture Technology Faculty of Agriculture, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Headline	FOOD AID		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	06 May 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	144 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 803
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,409



FOOD AID: Deputy Chief Minister Datuk Christina Liew (front, third left) hands over bags of rice, fish, vegetables and face masks to local community leaders for distribution to the rakyat in their respective areas in the interior of Sabah on Tuesday. "We thank the Minister of Agriculture and Food Industry, Datuk Junz Wong (second left) for his kindness in donating two tonnes of fish for the people in need during this Movement Control Order (MCO) period," she said.